

IDRIS (tengah) menyaksikan pertukaran MoU antara Mohd Noh (kanan) dengan Izhah.



IDRIS (dua dari kiri) sambil diperhatikan Mohd Noh (kiri) menggunakan alat simulasi haji di Pusat Sumber Digital Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah di UTHM, semalam.

# Mahu **landasan** Tanjung Labuh

Harian Metro 3/11/2014.

■ UTHM minta guna lapangan terbang Perang Dunia Kedua lahir juruterbang, mekanik pesawat

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor  
hafidzul@hmetro.com.my

**Batu Pahat**

**K**erajaan perlu mempertimbang membenarkan Lapangan Terbang Tanjung Labuh di sini, digunakan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi melahirkan juruterbang.

Naib Canselor UTHM Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, harapan itu juga sebagai antara agenda mengukuhkan kerjasama

yang dimeterai antara universiti itu dengan Penerbangan Malaysia (MAS).

Menurutnya, lapangan terbang yang pernah beroperasi ketika Perang Dunia Kedua itu berpotensi untuk digunakan Jabatan Kejuruteraan Aeronautik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan UTHM dalam melahirkan graduan penyelenggaraan pesawat serta juruterbang.

"Permohonan sudah dibuat dan pihak universiti yakin kerajaan akan mem-

pertimbangkannya kerana sasaran kami sebelum tahun 2020, lapangan terbang itu kembali beroperasi melalui program latihan penerbangan profesional bersama MAS kepada pelajar UTHM," katanya selepas menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama MAS di sini, semalam.

MoU itu ditandatangani

Mohd Noh bersama Pengarah Operasi MAS Kapten Izhah Ismail sambil disaksikan Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh yang dalam rangka lawatan kerja ke universiti itu semalam.

Mohd Noh berkata, UTHM dengan bantuan MAS kini membentuk satu pasukan khas yang bertanggungjawab untuk meneliti

proses bagi mendapat keizinan menggunakan landasan sepanjang kira-kira satu kilometer itu.

"Landasan itu masih terdapat dalam peta penerbangan, malah ia turut terkandung dalam senarai landasan kecemasan biarpun tidak boleh mendaratkan pesawat sebesar Boeing 737, tetapi kita boleh mengubahsuainya kerana kedudukannya di tepi laut," katanya.

Sementara itu, beliau berkata MoU bersama MAS bakal menggalakkan lagi ker-

jasama dalam program penerbangan profesional serta mencapai perkara utama yang penting iaitu kebolehpasaran graduan UTHM dalam industri penerbangan negara.

"Bidang kerjasama yang dirancang adalah program latihan staf dan pelajar, program latihan industri pelajar, program seminar bersama, persidangan, latihan dan kuliah dalam penyelenggaraan pesawat dan juruterbang profesional," katanya.

## FAKTA

Lapangan terbang Tanjung Labuh pernah beroperasi ketika Perang Dunia Kedua